

Conference Proceeding: 2nd INTERNATIONAL CONFERENCE ON CREATIVE MEDIA, DESIGN & TECHNOLOGY (REKA2016)

IDENTITI VISUAL SENI CATAN MODEN MALAYSIA MELALUI MEDIA CAMPURAN DALAM KONTEKS KEBUDAYAAN

Fairus Ahmad ¹

Universiti Pendidikan Sultan Idris

¹ferdyusof@yahoo.co.uk

Abdul Halim Husain ²

Program Pasca Siswazah Seni

Universiti Pendidikan Sultan Idris

²drhalimupsi@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji berkaitan dengan identiti visual dan penggunaan media campuran dalam catan seni moden Malaysia. Ia bertujuan untuk memperhalusi peranan bahan dalam konteks media campuran yang dipengaruhi atau dibentuk atas kebudayaan persekitaran. Kertas kerja ini akan membicarakan aspek identiti visual karya-karya seni catan moden Malaysia oleh beberapa orang pelukis tempatan dalam konteks kebudayaan. Kupasan akan dibuat daripada karya-karya seni visual yang menggunakan media campuran sebagai kajian perbincangan dengan menjelaskan diskripsi bentuk fizikalnya, menganalisis aspek formalistik serta menginterpretasikan kedua-dua aspek. Akhir sekali perbincangan ini akan melihat kepada persoalan idea visual keseluruhan karya-karya seni catan moden Malaysia. Didalam kertas kerja ini juga akan menjelaskan berkenaan tentang beberapa karya visual pelukis tempatan, berpandukan imajinasi dan bahan yang dihasilkan. Mereka merupakan pengkarya yang telah mengetengahkan media campuran dalam bentuk budaya tempatan ke dalam ruang seni semasa. Terdapat empat elemen utama yang diutarakan dalam pembentukan seni visual antaranya berkaitan dengan bahan yang digunakan oleh pelukis seperti teknik, unsur formalistik dan idea keseluruhan pada karya. Keseluruhan kajian berhubung dengan imej dalam seni catan moden Malaysia berpandukan kepada konsep nilai, institusi sosial, keperluan, dan persekitaran yang menjadi asas kepada perhubungan dengan nilai kebudayaan. Penyelidikan ini bertujuan untuk memahami bentuk dan makna dalam seni catan moden Malaysia yang menggunakan media campuran dan berasaskan teori kebudayaan. Ia berhubung rapat dengan persoalan nilai, persekitaran, perilaku, keperluan dan teknologi dalam institusi sosial masyarakat. Penyelidik menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif dan penghuraian secara deskriptif melalui analisis karya-karya oleh pelukis di Malaysia. Data-data yang diperolehi adalah melalui hasil penyelidikan secara lisan, dokumen dan analisis karya yang akan melengkapkan signifikan kepada hubungan penyelidikan. Penyelidikan ini akan melihat kepada kesan dan perkembangan penggunaan media campuran yang digunakan oleh pelukis Malaysia perjalanan seni moden Malaysia dalam perkaitan hubungan dengan sosiobudayaan kebudayaan.

Kata kunci

Identiti - Media campuran - Apresiasi seni - Kebudayaan

PENGENALAN

Kesenian dibentuk dalam sebuah kerangka utama bermula dengan sistem sosial budaya yang berakar kepada konsep nilai, persekitaran, keperluan, perilaku seniman dan institusi dalam sebuah masyarakat. Kesemua konsep ini akan membentuk cara sesebuah karya seni itu wujud dan boleh dihayati. Seni hadir dan berlangsung adalah hasil daripada keperluan serta kehendak manusia yang ingin melepaskan ekspresi keseniannya melalui pengucapan media, idea dan pengalaman kehidupan. Seniman yang berkesenian merupakan individu yang ingin memaparkan perasan naluri dalaman dalam diri untuk dilepaskan bagi keperluan asas manusia. Setiap hasil karya seni ini dikongsi bersama dan tidak akan terlepas daripada penzahiran bentuk-bentuk tertentu yang boleh digarap untuk

memahami maknanya (Tjetjep R. R., 2000). Dalam konteks pengaruh persekitaraan, seniman yang menghasilkan karya seni akan bertindak balas disebabkan oleh kesan reaksi luaran terhadap alam persekitarannya yang menyebabkan seniman dalam masyarakat tersebut bertindak mentafsirkannya dalam bentuk tersendiri seterusnya membentuk konsep asasnya melalui tingkah lakunya apabila berkarya. Persekitaran yang dilalui oleh seorang seniman mampu mengungkap proses kematangan dalam berkarya. Ia merupakan sebuah pengembaraan kehidupan yang diharung dalam pelbagai bentuk, ruang dan masa. Pengalaman apabila pernah menjadi seorang pelajar seni di institusi pengajian, berkarya di dalam studio sendiri yang penuh dengan karya-karya peribadi, menjadi aperantis kepada pelukis lain, karya dibeli oleh pengumpul seni, dan kesemunya adalah kesan cabaran yang didorong oleh tarikan daya persekitaraan seorang seniman itu. Persekitaan akan membentuk dan merangsangkan sistem biologi seniman kearah tujuan untuk kepuasan peribadi atau, seorang pelukis menjadi ikon kepada pelukis-pelukis yang lain. Pengkarya menghasilkan karya sebagai memenuhi keperluan estetik yang merupakan keperluan yang seiring dan terserap dalam keperluan hidup manusia seperti keperluan asasi dan sosial (Tjetjep R.R., 2000). Pengkarya seni halus berkarya untuk mempamerkan sesuatu perasaan dalaman tentang sesuatu perkara yang sangat prihatin daripada pengalaman, impian dan hasrat menerusi ekspresi diri yang tersendiri. Pengkarya merancang penghasilan seni dengan berfikir tentang ideanya, menggambarkan bentuk karya yang akan dibuat, merakam idea dalam bentuk nota dan lakaran, merangka proses kerja, mencari bahan dan alat yang sesuai dan bereksperimentasi dengan pelbagai kemungkinan teknik dan media yang dapat menyalurkan makna daripada idea yang ingin disampaikan. Pengkarya sentiasa membuat pilihan dan keputusannya sendiri yang tidak semestinya berakhir dengan sebuah karya yang hebat dan cemerlang. Pengkarya bertanggungjawab dalam kerja dan pilihan yang dibuat dan bersedia untuk dikritik.

TINJAUAN LITERATUR

Apabila membicarakan soal identiti, kita akan melihat bagaimana identiti boleh membentuk jatidiri dan nilai kesatuan dalam sebuah masyarakat. Identiti adalah suatu istilah yang diaplikasikan dalam konteks mewujudkan dan menerima kita sebagai masyarakat terlibat secara aktif dalam penghuraian segala bentuk peristiwa kehidupan yang dianggap sebagai sejarah. Antara istilah tafsiran identiti yang dikatakan sebagai suatu budaya milik bersama dimana nilai persamaan sendiri itu boleh dikongsi bersama dengan orang lain dalam sebuah kelompok masyarakat yang sudah memiliki sejarah dan asal usul yang sama. Kesinambungan kehidupan dalam sesebuah masyarakat itu dapat digambarkan melalui asas pengalaman-pengalaman kehidupan yang diamalkan dan ditakrifkan secara bersama (Stuart H., 1990). Zakaria Ali (1989), pula menyatakan bahawa identiti ialah sebuah gabungan nilai, keadaan kesamaan dan keserupaan. Nilai ini diletakkan sebagai sebuah gagasan sebagai seorang individu yang mempunyai elemen-elemen tertentu seperti rupa paras, warna kulit, bahasa, agama, dan lain-lain perkara yang menjadi tunjang kehidupan. Berasaskan konsep identiti, ianya adalah proses kesenian dalam konteks kebudayaan dan tidak terpisah daripada pengaruh sejarah perkembangan sesuatu bangsa. Ia juga berkait rapat dengan kewujudan kepelbagaian masyarakat dalam konteks era globalisasi masyarakat di Malaysia. Identiti merupakan persoalan pengaruh, perubahan, transformasi, interaksi antara kaum, pergeseran, kontradiksi dan paradoks identiti yang bersifat dinamik, berpindah dan berubah akibat sebuah dunia kehidupan yang dibentuk oleh kuatnya situasi saling bergantung, pengaruh yang kuat dan persaingan yang hebat antara unsur-unsurnya (Yasraf Amir Piliang, 2002). Pemahaman berkaitan cara identiti wujud, paradigma yang melandasi identiti, ideologi di sebalik identiti, cara penggunaan identiti sangat penting bagi sebuah negara untuk membangun bangsanya. Cara membangun, memandang, dan menggunakan identiti sebagai media harus hadir dalam pembangunan bangsa. (Koentjaraningrat, 1981; Mohd. Taib Osman, 1988). Pemahaman berkaitan cara identiti wujud, paradigma yang melandasi identiti, ideologi di sebalik identiti, cara penggunaan identiti sangat penting bagi sebuah negara untuk membangun bangsanya. Cara membangun, memandang, dan menggunakan identiti sebagai media harus hadir dalam pembangunan bangsa. (Koentjaraningrat, 1981; Mohd. Taib Osman, 1988). Menurut Abdul Halim

Husain (2014), identiti ditakrifkan sebagai pengenalan keahlian berasaskan individu dan seterusnya mewakili suatu kelompok yang menjadi pengenalan bagi mewakili kumpulan dan kelompok tertentu. Manusia menciptakan sesuatu bukan dari kekosongan. Manusia menciptakan sesuatu dari sesuatu yang telah ada sebelumnya. Setiap seniman menjadi kreatif dan berintelekt kerana bertolak dari bahan yang telah tercipta sebelumnya. Inilah yang biasa kita sebut sebagai tradisi (Jakob Sumardjo, 2000). Proses ekspresi diri seorang seniman secara estetik merupakan tuntutan dalam keperluan asas manusia. Keperluan budaya atau integratif yang wujud berasaskan dorongan dalam diri manusia yang secara asasnya mahu memanesfestasikan kewujudannya dalam kelompok kebudayaannya sendiri. Zainal Kling (1987) memberikan pendapat bahawa kebudayaan adalah segala ciptaan dan warisan manusia hidup bermasyarakat, iaitu hasil dari daya cipta atau kreativiti pendukungnya dalam interaksi dengan alam ekologiannya bagi memenuhi keperluan biologi menentukan kelanjutan hayat (survival). Justeru itu lebih mudah digunakan konsep sosiobudaya kerana di antara masyarakat dan kebudayaan adalah amat sehati hingga sukar membezakannya kecuali sebagai suatu alat kajian (heuristic). Ianya lahir seiring sejalan dengan perkembangan hidup masyarakat setempat. Ini memberi gambaran bagaimana ketamaduanan itu berkembang menerusi perjalanan kehidupan sesebuah masyarakat yang tidak lari dari amalan-amalan kebudayaan masing-masing. Di dalam kebudayaan terkandung beberapa bahagian di mana ianya melibatkan kesenian walaupun pada hakikatnya ianya lebih luas dan kesenian itu hanya sebahagian dari cabang kebudayaan. Menurut Koentjaraningrat (1985) kebudayaan adalah keseluruhan idea, tindakan, dan hasil kerja manusia dalam rangka kehidupan masyarakat yang dijadikan milik diri manusia dengan belajar. Senada dengan Koentjaraningrat adalah apa yang didefinisikan oleh Selo Soemardjan dan Soelaeman Soenardi (1964) merumuskan kebudayaan sebagai semua hasil karya, cipta, dan rasa masyarakat. Karya masyarakat menghasilkan teknologi dan kebudayaan kebendaan atau kebudayaan jasmaniah (material culture) yang diperlukan oleh manusia untuk menguasai alam sekitarnya agar kekuatan serta hasilnya dapat diabdikan untuk keperluan masyarakat. Koentjaraningrat (2000), membahagikan kewujudan kebudayaan kepada tiga bahagian iaitu pertama kebudayaan yang wujud sebagai suatu kompleks dari idea-idea, gagasan, nilai-nilai, norma-norma, peraturan dan sebagainya; kedua wujud kebudayaan sebagai suatu kompleks aktiviti perilaku berpola daripada manusia dalam masyarakat dan ketiga, wujud kebudayaan sebagai benda-benda hasil karya manusia. Poerwanto D. H. (2000) telah melihat proses kebudayaan yang aktif disebabkan oleh aktiviti manusia yang saling berhubung, memenuhi segala permintaan dan penerimaan tanpa sempadan masa dan ruang. Justeru itu proses adaptasi dapat diarah oleh penekanan terhadap sistem idea, termasuk juga cakupan perubahan dalam hal norma-norma dan auran-aturan yang boleh dijadikan sebagai pegangan oleh warga masyarakat. Sesebuah karya seni yang terkenal dapat dihasilkan melalui kesan pemikiran yang dialami oleh pengkarya kerana kesan pengamatannya dan seluruh sistem budaya yang dipelajari dalam kehidupannya sebagai anggota dalam masyarakat. Zakaria Ali (1987) menjelaskan bahawa objek seni seperti manusia, boleh diterima dengan mudah, atau ditolak dengan mudah, berdasarkan kepada samada ia halus atau kasar. Tjetjep R. R. (2000) memberikan pendapat kesenian merupakan sebahagian daripada ciri di dalam kebudayaan dan berfungsi selaras dengan kehendak kelompok masyarakatnya. Berkesenian dan memaparkan konsep-konsep keindahan merangkumi makna yang merujuk kepada pengertian yang pelbagai. Pendefinisian kebudayaan yang "klasik" seperti yang berasal dari Tylor, yang melihat kebudayaan sebagai "suatu kesatuan kompleks yang terdiri dari pengetahuan, kepercayaan, hukum, moralitas dan adat istiadat," hingga pendekatan interpretatif Geertz yang mencuba mempertajamkan pengertian kebudayaan sebagai pola yang wujud sebagai simbol-simbol yang diwariskan secara pensejarahan dengan melihat manusia berkomunikasi, melestarikan dan mengembangkan pengetahuan dan sikap terhadap kehidupan, teori-teori kebudayaan telah memberi berbagai sumbangsih bagi pemahaman kehidupan sosial. Bagi menjadikan maksud kebudayaan itu lebih terperinci kita boleh memahaminya melalui penerangan dari Aziz Deraman (2000). Beliau memperkatakan bahawa kebudayaan itu terbahagi kepada empat bahagian utama iaitu pemikiran (idea), kebendaan, kesenian, nilai dan norma. Beliau menekankan bahawa jiwa kebudayaan menyorot dalam cara berpakaian, makan minum, pengembangan ilmu

pengetahuan, kesenian, falsafah dan peningkatan bahasa dan kesusasteraan. Terdapat berbagai-bagai istilah dan pendapat yang boleh digunapakai mengenai ketamaduan yang dihuraikan istilahnya kepada dua bahagian ini. Dari sudut peradapan pula menurut Ismail Hamid (1983) dan Muhammad Uthman El Mahammadi (1976), mereka mengatakan bahawa peradaban itu adalah pencapaian semua aspek pemikiran, moral, sosial dan kebendaan dalam hidup masyarakat. Oleh itu kedua-dua istilah ini sememangnya menjurus kepada satu perkara yang hampir sama. Seni adalah manifestasi jiwa dalam membentuk kebudayaan yang wujud dalam sebuah masyarakat yang berpaksikan kepada pengaruh persekitaran budaya, sekaligus membentuk peribadi keseniman seseorang pengkarya. Perkara ini dijelaskan juga oleh E. B. Taylor (1871) yang meletakkan proses pembudayaan dalam kesenian sebagai

'...that complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, custom and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society.'

Mochtar Lubis (1993) ada pernah menyatakan bahawa seniman adalah manusia kreatif yang mempunyai kekuatan pada diri sendiri (dalaman). Kita harus melepaskan nilai politik dari penilaian karya seni, kerana perjuangan pembinaan oder baru dalam tanah air haruslah bererti, disamping terbinanya segala nilai yang lain kita perjuangkan (seperti keadilan sosial, keadilan ekonomi, pemerintahan berdasarkan hukum dan sebagainya, dan kita harus berhasil membina kebebasan kebudayaan yang sesungguhnya. Mochtar menambah lagi dengan melihat;

Kita amat jarang menjumpai seniman yang sama sekali tidak memiliki hati nurani sosial. Adalah lebih baik untuk membiarkan seniman mencari jati dirinya sendiri, mengembangkan dirinya sendiri dan mendapatkan tempatnya sendiri di tengah-tengah permasalahan yang dihadapi masyarakatnya. Malahan yang sering kali terjadi adalah penguasa yang khuatir menghadapi karya-karya kreatif seniman yang kadar hati nurani sosialnya terlalu tinggi.(1993:64)

Kesenian diklasifikasikan sebagai institusi sosial, namun mereka yang menekankan aktiviti penting bagi pengurusan seni masyarakat berhubung perkara terpenting, manakala mereka yang mengutamakan nilai-nilai budaya tempat seni dan agama berada dalam sfera lebih tinggi. Dari segi struktur, seni tidak dicorakkan dalam interaksi institusi sosial yang lain tetapi merupakan satu jenis campuran, yang memerlukan pengiktirafan khas bentuk seni antara rangkaian campuran hubungan sosial dan budaya. Keperluan asas disampaikan oleh seni telah ditafsirkan dalam konteks biologi, psikologi dan sistem sosial dalam sebuah institusi sosial. (Albrecht, 1968) menjelaskan bahawa;

Art is usually classified as a social institution, yet those who emphasize activities essential for the maintenance of society regard art as of secondary importance, while those who give priority to cultural values place art and religion in a "higher" sphere. Structurally, art does not manifest the interaction patterns of other social institutions but represents a mixed type, requiring special recognition of art forms and mixed networks of social and cultural relations. The "basic needs" served by art have been interpreted in biological, psychological, and social terms, forcing the conclusion that art in its broadest sense performs a multiplicity of functions, with only the fine arts existing as an independent realm with aesthetic values supreme. The universality of art seems to be the creation of Western conceptions imposed on the artifacts of other cultures.

Ciri-ciri kesenian yang dipengaruhi oleh perkembangan budaya sebagai suatu sistem yang progresif dan dinamik, menonjolkan kesinambungan, perubahan dan pengekalan kebudayaan. Ciri-ciri kesinambungan budaya adalah berlandaskan untuk kesenian terus hidup manakala ciri-ciri perubahan dilihat sebagai penyesuaian dengan keadaan semasa. Ciri-ciri terhadap pengekalan bentuk kesenian berasaskan identiti adalah bersifat suatu nilai yang tersendiri tanpa dipengaruhi oleh unsur luaran dan dipertahan oleh kelompok masyarakat itu sendiri. Perubahan kesenian akan berlaku apabila keadaan memerlukan atau disebabkan oleh perubahan dalam budaya, samada

wujudnya budaya lain yang lebih baik secara langsung atau sebaliknya, atau ia muncul dalam budaya itu sendiri.

PERMASALAHAN KAJIAN

Perkembangan dan kemajuan prasarana seni diperingkat nasional seperti penubuhan Balai Seni Visual Negara, Balai Seni Lukis Pulau Pinang, Galeri Shah Alam, Galeri Seni Warisan Johor, Balai Seni Lukis Pahang, Balai Seni Lukis Sabah, dan juga kewujudan galeri seni yang ditaja oleh syarikat korporat seperti Galeri Petronas, Galeri Bank Negara dan Galeri Maybank, serta puluhan galeri swasta di Malaysia adalah antara bukti komitmen yang kuat kepada perkembangan dan kemajuan seni visual sudah dianggap entiti penting di Malaysia. Tahun 50an sehingga 70an dahulu, memperlihatkan paradigma terhadap representasi karya seni dalam media campuran oleh pelukis-pelukis yang ternama dan tersohor seperti, Abdul Latiff Mohiddin, Syed Ahmad Jamal, Redza Piyadasa, Sulaiman Esa dan ramai lagi yang mewarnai dunia seni visual Malaysia. Hari ini, legasi diteruskan oleh pelukis-pelukis profesional dan amatir seperti Ponirin Amin, Awang Damit Ahmad, Din Omar, Azhar Abdul Manan, Zulkifli Yusoff, Ahmad Shukri Mohamed, dan ramai lagi menyerlahkan penggunaan media campuran sebagai asas dalam proses pengkaryaan. Pergerakan seni visual di Malaysia selepas pasca-Merdeka hingga kini, amat menggalakkan. Ia terbukti dengan saban masa, pelbagai pameran seni visual sama ada secara solo mahupun berkumpulan diadakan. Tidak kurang juga kepada penyertaan pelukis senior mahupun muda dalam beberapa anugerah dan pertandingan seni visual seperti Anugerah Seni Philip Morris, Anugerah Seni Nokia, Bakat Muda Sezaman yang dianjurkan oleh Balai Seni Visual Negara, Terbuka Shah Alam, Citra Terengganu, Terbuka Pulau Pinang, Terbuka Koleksi Tetap Balai Seni Lukis Sabah dan sebagainya. Pertandingan sebegini akan mendorong kepada perkembangan seni visual di tanah air dalam ruang yang sangat positif. Penerimaan pelukis terhadap media campuran dalam proses berkarya dilihat begitu dominan menguasai lapangan seni visual nasional, melalui eksplorasi bahantara pelbagai rupa hingga melangkaui sempadan definisi bentuk karya visual yang diilhamkan. Seni lukis moden atau seni lukis kontemporari merujuk kepada karya lukisan bergaya baru di Malaysia. Ia boleh juga ditakrifkan sebagai seni lukis Avant-Garde yang langsung tidak memiliki apa-apa kefahaman dan gaya yang berkesinambungan dengan seni tradisional Malaysia baik dari segi falsafah seninya, gayanya, ciri visualnya dan juga bahan dan teknik. Pengistilahan dan pendefinisian terhadap media campuran dalam karya seni dianggap baharu dan moden. Satu teknik yang melibatkan penggunaan dua atau lebih media seni, seperti dakwat dan pastel atau lukisan dan kolaj, yang digabungkan dalam komposisi tunggal. Secara kronologinya, ia muncul dalam awal abad ke 19, ketika itu Seni Kubis (Cubism) mula mendapat tempat di Eropah. Lynton (1989) berpendapat bahawa pengkaryaan seni catan media campuran di Barat bermula di era Cubist Collage (sekitar 1910-1930) melalui pendekatan teknik kolaj (collage). Istilah kolaj merujuk kepada Lewis (2012) yang memperlihatkan gabungan teknik potong dan tampal di atas permukaan dua dimensi dengan menggunakan bahan seperti kertas, fotografi atau bahanantara lain. Teknik kolaj (*assemblage*) lebih terarah kepada seni kraf (folk art) diperingkat awal perkembangannya. Lewis R. dan Lewis I. (2012) merujuk kepada masyarakat awal Eropah kurun ke-18 mengkomposisikan sesayap rama-rama untuk tujuan penggambaran ritual. Hal ini dipetakan sendiri oleh Gombrich (1995) dalam *The Story of Art* yang melihat catan dan ilustrasi konvensional tidak lagi dianggap penting, sebaliknya mengutamakan soal idea dan fungsi media dalam mempengaruhi gaya seni catan moden. Perimbangan antara bahan dan idea memberikan kesan yang kuat keatas permukaan karya. Istilah meminjam dan memadankan media sedia ada ke dalam bahasa visual dianggap rumit dalam penerimaan tradisi catan. Krausse (1995) mengukuhkan hal ini dengan melihat sebagai;

Representation through simultaneous perspective on the two-dimensional form was from now on broken down into a multiplicity of intersecting and interpenetrating facets. This produced a structure of surfaces that radically negated the organization of space according to a central perspective. For the Cubist, the painting was no longer an illusionistic fiction, but an organism that obeyed its own laws and stood in relation to the picture plane and the picture format.

Percubaan ini telah dibuktikan oleh Pablo Picasso, melalui karya *Still Life With Chair-Caning* (1912) (Gambar 2.1). Ketika itu karya catan media campuran diilhamkan daripada melalui pendekatan seni eksperimentasi terhadap bahan. Alam benda menjadi subjek utama, menerusi penampalan keratan-keratan kertas akhbar dan majalah ke atas kanvas atau panel.



Gambar 1.1 : Pablo Picasso. *Still Life With Chair-Caning*. 1912. Media campuran. 29 x 37 cm

Fenomena bahan campuran sebagai pencetus kepada bahasa visual baru meledakkan senario perkembangan seni visual sezaman. Robert Rauschenberg dalam penelitian Mulyadi Mahamood menjelaskan tentang hubungan baru antara pelukis dan media yang saling berinteraksi sempurna dalam sebuah karya seni serta memaparkan nilai peribadi diri pelukis.

Karya-karya media campuran memanjangkan mesej yang cuba diungkapkan, yang mungkin terbatas akibat dikongkong penggunaan satu medium semata-mata. Media campuran berupaya mempertingkatkan tatabahasa visual pelukis dan dalam masa yang sama memudahkan tugas komunikasi karya-karya seninya. Penggunaan media campuran yang lebih dramatik kemudiannya dapat dilihat dalam karya-karya 'assemblage' atau 'combined painting' Rauschenberg (Mulyadi Mahamood, 23:1994)



Gambar 1.2 : Robert Raushenberg. *Bed*. 1955. Media campuran. 191 x 80 x 23 cm

Di Malaysia pergerakan seni yang berasaskan media campuran dipelopori oleh generasi kedua seniman tempatan yang berkelulusan barat dimana situasi yang sama juga berlaku namun agak lewat sedikit iaitu pada tahun awal 70an. Dikalangan mereka ini pernah mengikuti pengajian di Maktab Seni Lukis (*Art College*) yang terdedah kepada suasana baru (*New Scene*). Senario ini telah memunul

gerakan seni baru akibat kesan daripada sukatan pelajaran yang diatur berdasarkan aliran ilmu Bauhaus, sebuah sekolah seni rekaan yang terkenal di Jerman yang mengabungkan pembelajaran antara kraf dan seni halus. Niranjana (2002) begitu kuat menegaskan bahawa;

Terdapat kuasa lain yang bersatu bersama modenisma Islam antarabangsa ini, membendung ekspresionisme dalam seni Malaysia pada zaman itu. Gerakan 'Wajah Baru' (New Scene) yang bermula, dengan sebuah pameran dalam tahun 1969, adalah reaksi terhadap naturalisme dan ekspresionisme dalam seni Malaysia pada zaman itu. Menurut pelukis Wajah Baru seperti Tan Teong Eng, Tan Teong Kooi, Tan Tuck Kan, Choong Kam Kow, Redza Piyadasa dan Sulaiman Esa, alam semulajadi bukan lagi sumber rangsangan. Dunia sedia ada tidak cukup dan tidak relevan untuk tujuan mereka. Mereka akhirnya meninggalkan semua amalan ilusionis. Mereka juga menolak seni yang berdasarkan perasan dan gestural kerana ia hanya mengaburkan tujuan sebenar makna kesenian...


Pelukis Wajah Baru berusaha mengkaji sifat struktural dan persepsi seni lukis, seperti ruang, warna dan sifat bahan. Atas kesedaran bahawa pentingnya suatu penyelidikan terhadap perkembangan seni visual di Malaysia, penyelidikan ilmiah berasaskan kaedah pemerhatian dilaksanakan kerana mereka telah mengumpulkan sejumlah wadah seni visual pemikiran dan kerja seni yang telah mengilhamkan berkaitan dengan perkembangan pemikiran dan budaya masyarakat yang mereka lalui bersama. Karya Pemandangan Malaysia Teragung (1972) (Gambar 1.3) yang dijelmakan oleh Redza Piyadasa telah melaraskan minda visual Malaysia kepada paksi seni konseptual mencanggahkan tradisi seni easel Barat. Karya ini pernah memenangi Hadiah Utama anjuran Balai Seni Lukis Negara. Ia berlarasan juga kepada idea pesona Picasso yang melihat sebuah karya harus berubah kepada suasana nafas dimensi seni visual yang baru, tidak lagi terikat dalam paksi media konvensional. Piyadasa (1981) menambah lagi bahawa

untuk memahami perubahan-perubahan "art scene" Malaysia pada masa ketujuh puluhan, haruslah kita meyelidik serba sedikit tentang perkembangan-perkembangan dibidang seni lukis antarabangsa. Langkah ini dianggap perlu bagi menetapkan pengaruh latarbelakang ini keatas para seniman tempatan. Kegiatan-kegiatan baru ini dipandang dengan perasaan syak wasangka oleh penganut-penganu seni Expressionis tempatan. Ketegangan yang timbul akibat keadaan ini berfungsi sebagai satu ejen positif yang memperkayakan lagi proses kematangan seni tanah air. Dengan tertubuhnya satu "angkatan" seni lukis baru bermula juga disamping itu satu perbincangan dialektik lagi polemik, iaitu tiang asas komitmen modernis.

Kini, ungkapan Piyadasa terus menjadi keramat dan sentiasa menghantui pikiran pelukis Malaysia. Pameran 'Lanskap Malaysia' dan 'Manusia dan Alamnya' menjadi tiang seri juga pemula santapan kepada bicara idea karya yang menggunakan media campuran. Ia telah memberikan tanda sejarah penting terhadap perkembangan seni visual kontemporari di Malaysia tanpa rasa curiga jika kebanyakan karya konseptual sekitar tahun 1970an dalam koleksi Balai Seni Visual Negara noktahnya adalah daripada pameran tersebut. Antara karya mereka yang dizahirkan melalui media campuran merasakan ia merupakan cetusan bahasa visual yang paling tepat dan lebih rapat dengan idea serta pemikiran mereka disamping, ia mampu membangkitkan kerangsangan tindak balas hubungan sosial audien sebagai pemerhati malah ia mendekatkan audien dengan suatu keadaan realiti sebenar seperti yang telah dijelaskan oleh Lewitt (1967);

Bahantara baru merupakan masalah utama di dalam seni kontemporari. Seseengah artis terkeliru antara bahan baru dan idea yang baru. Tiada ada yang lebih teruk daripada melihat seni yang ditenggelami dengan pelbagai bahan. Kebanyakan seniman yang tertarik dengan penggunaan bahan ini juga adalah mereka yang tidak mempunyai pendirian yang teguh dalam membolehkan mereka menggunakan bahan itu dengan baik. Seniman yang bagus akan menggunakan bahan-bahan baru dan membina sebuah karya seni. Bahayanya adalah,

saya rasa, apa yang lebih dipentingkan disini adalah sifat fizikaliti bahan itu sahaja daripada idea yang ada pada karya itu (satu lagi ekspressionisme).



Gambar 1.3: Redza Piyadasa. Pemandangan Malaysia Teragung. 1972. Media campuran. 228cm x 177cm.

Karya seni adalah manifestasi jiwa dan perasaan pelukis dalam zamannya. Segala ini harus didokumentasikan agar boleh dijadikan rujukan pada masa akan datang. Pengkaryaan dan kehidupan mereka hari ini adalah sejarah baharu untuk masa hadapan. Dokumentasi ilmiah yang komprehensif perlu diadakan bagi membincangkan karya seniman yang berpaksi kepada media campuran dan kerja seni mereka di Malaysia ini sejajar dengan kedudukan ilmu seni sebagai wacana bidang ilmu pengetahuan. Atas kesedaran perlunya penulisan ilmiah direalisasikan berhubung hasil kerja seni di Malaysia ini, penyelidik berhasrat untuk membuat satu penyelidikan yang mana ia lebih merupakan sebuah himpunan, koleksi atau lebih tepat lagi kompilasi tentang pelukis Malaysia pada abad 80an dan 90an yang konsistensi menghasilkan karya seni visual melalui penggunaan media campuran. Penyelidikan ini akan berfokus kepada pelukis moden di Malaysia yang berkarya menggunakan media campuran secara konsisten dan sepenuhnya. Asas pemilihan pelukis adalah berdasarkan kepada kecemerlangan membudayakan seni yang telah ditunjukkan melalui karya-karya visual terdahulu. Secara keseluruhan karya-karya mereka boleh dianggap jelmaan daripada refleksi pancaran nilai upaya kerja seni yang mementingkan komitmen dan ketelitian ke arah pembentukan nilai bersama dan memberikan inspirasi serta penghargaan terhadap proses pembudayaan keseniman dikalangan masyarakat di Malaysia.

OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini dilhamkan adalah untuk mengetahui, menjelaskan dan memahami proses perkembangan pelukis di Malaysia yang menggunakan pendekatan media campuran dalam amalan kerja seni secara konsistensi. Dalam konteks ini, aspek bentuk, subjek, dan isi, akan dikaji melalui analisis beberapa buah karya pelukis disamping perkara yang berhubungkait dengan sosiobudaya seperti nilai, persekitaraan, keperluan, teknologi, dan perilaku pelukis yang dicerminkan berteraskan seni moden Malaysia akan dikenalpasti. Secara objektifnya, tujuan penyelidikan ini adalah seperti berikut:

1. Menganalisis dan mengintepretasi bentuk (*form*) yang diolah dalam media campuran karya pelukis moden Malaysia.
2. Mengenalpasti subjek (*subject*) yang sering diutarakan oleh pelukis Malaysia dalam karya-karya mereka.
3. Menilai dan memahami isi (*content*) yang dipersembahkan oleh pelukis Malaysia dalam karya mereka yang mempunyai hubungan rapat dengan sistem sosiobudaya juga institusi masyarakat.

4. Menjelaskan peranan dan kepentingan media campuran dalam karya pelukis Malaysia melalui perkembangan seni moden Malaysia masakini.

PERSOALAN PENYELIDIKAN

Secara literalnya, penyelidikan ini bertujuan untuk mengetahui, memahami dan menjawab secara terperinci persoalan-persoalan berikut:

1. Bagaimanakah bentuk (*form*) imajan karya yang diolah melalui media campuran dalam karya pelukis moden Malaysia.
2. Apakah subjek (*subject*) yang sering diutarakan oleh pelukis seni moden Malaysia dalam karya-karya mereka.
3. Adakah isi (*content*) yang dipersembahkan dalam karya seni moden Malaysia mempunyai hubungan kaitan rapat dengan sistem sosiobudaya juga institusi masyarakat.
4. Bagaimanakah karya seni moden Malaysia yang menggunakan media campuran berperanan sebagai medium utama didalam perkembangan Seni Moden Malaysia masakini.

Kepentingan Penyelidikan

Dalam melaksanakan penyelidikan ini, terdapat beberapa kehendak dan perkara yang harus menjadi faktor agar penyelidikan ini akan memberikan manfaat kepada pihak-pihak tertentu seperti:

1. untuk mengembangkan kefahaman secara teoritikal tentang konsep bentuk dan makna berlaku dalam seni moden Malaysia yang mempraktikkan amalan studio melalui penggunaan media campuran.
2. untuk memperjelaskan kepada komuniti masyarakat tentang kewujudan dan kepentingan karya-karya seni visual yang mempraktikkan media campuran dan hubungannya dengan konteks hubungan sosiobudaya masyarakat.
3. Selain daripada itu, melalui konteks kepentingannya kepada sistem Pendidikan Seni Visual diperingkat pengajian ia dapat:
4. memberikan penjelasan dan kefahaman kepada ahli akademik tentang definisi media campuran dalam konteks seni moden Malaysia.
5. membina kaedah apresiasi karya kepada ahli akademik melalui kepentingan pendekatan media campuran dalam konteks sosiobudaya.
6. membantu pelajar, pelukis dan penghayat seni agar melihat kepentingan media campuran sebagai faktor hubungan antara pelukis dengan sosiobudaya didalam membuat apresiasi karya.

METODOLOGI

Pengaruh dan kesan terhadap media campuran dalam seni moden Malaysia banyak membawa kesan kepada nilai sosiobudaya seorang seniman terutama dalam kerja seninya. Kesedaran terhadap saling hubungan antara perilaku pelukis dan karyanya adalah bertitiktolak daripada persoalan kefahaman, pengetahuan, dan konsistensi terhadap proses pengkaryaan. Kesedaran kearah pencarian untuk memahami sebuah karya visual media campuran yang wujud dalam pelbagai bentuk penampilan, teknik, idea, akan mempengaruhi kesan terhadap kepercayaan dan cara hidup seorang seniman. Kefahaman terhadap fungsi dan peranan media campuran dalam pembentukan identiti seni visual nasioanal akan menjadi mudah dikenali dan laraskan secara sejagat. Dalam mengenalpasti kedudukan sebuah karya catan dan perkaitan dengan institusi sosial, terdapat dua konsep yang akan diaplikasikan berpandukan melalui pendekatan ilmu multidisiplin. Tjetjep Rohendi Rohidi (2000) dalam sebuah kajiannya ada menjelaskan berhubung dengan nilai masyarakat dan kebudayaannya yang pelbagai bentuk dengan melihat sendiri proses keterbukaan melalui pemikiran disiplin ilmu yang dipelajari diamalkan dalam ruang kehidupan. Pemikiran ini harus berlaku juga dalam konteks kesenian agar kesinambungan sosial budaya dalam institusi masyarakat mampu menuju ke arah yang lebih dinamik dan global.

Kaedah teoritikal yang digunakan untuk mengkaji masalah dalam penyelidikan ini adalah melalui pendekatan interdisiplin (inter-disciplinary approach). Pendekatan interdisiplin merupakan kaedah yang menggunakan gabungan kesatuan sistem penjelasan yang merangkumi pelbagai konsep yang sesuai daripada pelbagai cabang bidang ilmu dengan tujuan untuk memahami dan menjelaskan suatu permasalahan yang rumit terutamanya kajian seni (Rohidi, 2000). Konsep yang akan digunapakai dalam penyelidikan ini adalah merupakan gabungan adaptasi diantara konsep kesatuan seni oleh Erwin Panofsky (1972) dan institusi sosial oleh Jonathan Tuner (1988) (Rajah 1.1). Oleh kerana kesenian berada dalam satu sistem kebudayaan yang bersepadu dengan konsep-konsepnya tersendiri, maka melalui pendekatan kebudayaan, pengkaji ingin mengungkap, memahami dan menjelaskan; bentuk, makna serta identiti kebudayaan seni catan moden Malaysia yang dihasilkan melalui media campuran oleh pengkarya atau pelukis Malaysia.



Rajah 1.1: Kerangka konsep adaptasi gabungan daripada konsep-konsep apresiasi seni oleh Panofsky E. (1972) dan institusi sosial oleh Turner J.H. (1988).

PENJELASAN KONSEPTUAL

Istilah konseptual akan menjelaskan secara umum konsep-konsep yang digunapakai dalam penyelidikan ini dengan tujuan untuk mengetahui dan mengenal pasti definisi istilah agar ia berada selari dengan landasan perbincangan. Tiga tumpuan utama yang diperjelaskan adalah berkaitan rupa bentuk karya yang dihasilkan, subjek yang dipaparkan dan isi atau cerita dibalik karya ini. Keseluruhan tumpuan rupa bentuk karya seni catan Malaysia berteraskan konsep nilai, persekitaraan, institusi sosial dan keperluan yang menjadi asas hubungan dengan sistem sosial (lihat Rajah 1.1: Kerangka konsep adaptasi gabungan daripada konsep-konsep apresiasi kesenian oleh Panofsky E. (1972) dan institusi sosial oleh Turner J. H. (1988). Panofsky memberikan gambaran tentang kaedah apresiasi karya seni dalam tiga komponen dasar, iaitu Diskripsi Ikonografi (*Iconographical Description*), Analisis Ikonografi (*Iconographical Analysis*) dan Interpretasi Ikonografi (*Iconographical Interpretation*) (Lihat Jadual. 1.1 : Teori Ikonografi oleh Panofsky (1972), (Sumber: Abdul Halim Husain, 2011).

Jadual 1.1: Teori Ikonografi oleh Erwin Panofsky (1972), (Sumber: Abdul Halim Husain, 2011)

LEVEL	OBJECT OF INTERPRETATION	ACT OF INTERPRETATION	EQUIPMENT FOR INTERPRETATION	CONTROLLING PRINCIPLE OF INTERPRETATION
1	Primary or natural subject matter – (A) factual, (B) expressional -, constituting the world of artistic motifs.	Pre-iconographical description (and pseudo-formal analysis).	Practical experience (familiarity with objects and events)	History of style (insight into the manner in which, under varying historical conditions, objects and events were expressed by forms)
2	Secondary or conventional subject	Iconographical analysis in the	Knowledge of literary sources (familiarity	History of types (insight into the manner in

	<i>matter, constituting the world of image, stories and allegories</i>	<i>narrower sense of the world.</i>	<i>with specific theme and concepts)</i>	<i>which, under varying historical conditions, specific themes or concepts were expressed by objects and events.</i>
3	<i>Intrinsic meaning or content, constituting the world of 'symbolical' values.</i>	<i>Iconographical interpretation in a deeper sense (Iconographical synthesis)</i>	<i>Synthesis intuition (familiarity with the essential tendencies of human mind), conditioned by personal psychology and 'Weltanschauung'</i>	<i>History of cultural symptoms or 'symbol' in general (insight into the manner in which, under varying historical conditions, essential tendencies of the human mind were expressed by specific themes and concepts).</i>

Manakala Turner melihat kebudayaan dalam sebuah sistem sosial terbina daripada lima komponen iaitu nilai, keperluan, perilaku, teknologi, dan persekitaran sekaligus membentuk institusi sosial dalam konteks seni moden Malaysia. Nilai adalah merujuk kepada suatu kuasa untuk rasa mempercayai kepada sesuatu tanggapan atau kepercayaan. Ia boleh menjadi pegangan kepada dalam sesebuah institusi sosial. Nilai atau norma wujud kerana faktor pertimbangan rasional terhadap hukum agama dan serta apa jua perkara yang laku disekeliling seorang ahli dalam masyarakat itu. Undang-undang, adat resam, pantang larang serta perlakuan dalam kelompok masyarakat tertentu sangat bergantung kepada kehendak fikiran masyarakat tersebut. Sebagai contoh, ajaran Islam sebagai agama tauhid telah membataskan ruang lingkup kesenian yang lebih terkawal dan memenuhi kehendak agama dalam berkesenian. Dalam Islam tidak membenarkan lukisan, atau ukiran pahat dalam bentuk patung atau hidupan yang bernyawa. Dalam konteks seni moden Malaysia, kebanyakan pelukis cenderung memaparkan bentuk-bentuk tradisonal, abstrak, motif flora atau figura yang semi abstrak serta abstrak. Ini berbeza dengan karya-karya daripada negara jiran seperti Indonesia, Thailand atau Filipina. Keperluan dalam konteks perkembangan seni Malaysia dapat dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama sebagai kecenderungan pelukis yang memenuhi tuntutan keperluan sosiologi untuk diri sendiri sebagai seorang seniman, kedua, keperluan ekonomi untuk saran hidup dan ketiga, keperluan budaya iaitu kecenderungan terhadap pengutaraan budaya dalam masyarakat.

Perilaku pelukis sering digambarkan sebagai manusia yang kreatif, *Setiap individu manusia di dalam kelompok masyarakat yang berbudaya senantiasa ingin menunjukkan kewujudannya di dalam alam ini. Disamping itu juga ianya ingin menunjukkan dirinya sebagai individu manusia yang bertamadun. Pemaparan bentuk-bentuk karya seninya secara fizikal memperlihatkan dan memperjelaskan identiti individu dalam kelompok masyarakat berasaskan kebudayaan yang diwakilinya. Keperluan berekspresi secara estetik, menyerap sepenuhnya dalam keperluan-keperluan kegiatan lainnya. Dengan rasa diri untuk berkarya dan berkesenian, individu tersebut juga akan cuba memenuhi keperluan social ke arah kehidupan bermasyarakat dan juga melaksanakan tanggungjawabnya sebagai ahli masyarakat yang berbudaya. (Abdul Halim Husain, 31:2007)*

Perkembangan seni moden Malaysia dalam persekitaran semasa banyak menyumbang kepada penjaan karya-karya ke arah pola multi-nasional.

In the 1960s and 1970s modern art began to be practiced in a more regulated and structured form. The local art movement started to bloom in earnest in response to some factors arising from the changes in the social, political, cultural, economic and technological landscape. The most significant among these was the greater exposure to art through education, which was attributed mainly to the increased number of artists and art educators returning from overseas studies. (Nur Hanim Mohamed Khairuddin, 2014).


Teknologi dilihat sebagai sebuah elemen penting dalam pembentukan budaya masyarakat, kerana ia bergerak seiring dengan perkembangan cara hidup manusia. Pada hakikatnya teknologi diciptakan, sejak daripada dahulu hingga sekarang bertujuan untuk membantu dan memberikan kemudahan dalam berbagai aspek kehidupan, baik pada ketika manusia bekerja, berkomunikasi, sehingga kepada untuk mengatasi pelbagai persoalan pelik yang timbul dalam masyarakat. Teknologi tidak hanya membantu dan mempermudah manusia tetapi juga menawarkan cara-cara baru di dalam melakukan aktiviti-aktiviti tersebut sehingga dapat mempengaruhi budaya masyarakat yang sudah wujud sebelumnya. Budaya atau kebudayaan adalah kerangka acuan perilaku bagi masyarakat yang mempunyai nilai-nilai (kebenaran, keindahan, keadilan, kemanusiaan, kebijaksanaan, dan sebagainya) yang berpengaruh sebagai kerangka untuk membentuk pandangan hidup manusia yang realiti menikmati dan juga telah menjadi daripada sebahagian pilihan masyarakat itu untuk menentukan sikapnya terhadap berbagai agenda juga peristiwa dalam kehidupan.

KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN

Reka Bentuk penyelidikan

Dalam perancangan rekabentuk penyelidikan, penyelidik berteraskan model kepada format model apresiasi seni oleh Erwin Panofsky yang telah menggariskan empat proses iaitu 1. Diskripsi, 2. Analisis, 3. Interpretasi dan 4. Penilaian (lihat Rajah 1.2 : Rekabentuk kajian Mengikut Model Apresiasi oleh Panofsky (1972)).

Rajah 1.2: Rekabentuk kajian Mengikut Model Apresiasi oleh Panofsky (1972)



Penjelasan Intraestetik

Intraestetik memaksud penjelasan bentuk fizikal terhadap karya-karya seni moden Malaysia melalui pemerhatian terhadap karya-karya catan tersebut. Pada peringkat awal, konsep ini digunakan bagi memberikan penjelasan intraestetik pada karya visual berasaskan diskripsi pra-ikonografi, analisis ikonografi dan interpretasi ikonografi karya.

Penjelasan Ekstraestetik

Peringkat kedua penyelidik membuat penjelasan aspek sosiobudaya karya visual seni moden Malaysia yang menggunakan media campuran berasaskan aspek fizikal dan penampilan karya.

Interpretasi Karya

Penyelidik membuat interpretasi berasaskan diskripsi dan analisis karya. Interpretasi karya yang dilaksanakan adalah merujuk kepada tema-tema yang dapat dianalisis berasaskan data-data daripada intraestetik.

Penilaian Karya Menyeluruh

Seterusnya penyelidik membuat penilaian terhadap karya seni catan moden Malaysia dengan penjelasan-penjelasan hasil isu-isu yang didapati daripada data-data diskripsi karya, analisis karya serta interpretasi melalui gabungan dalam keseluruhan data.

Pendekatan Interdisiplin – Konsep Sosiobudaya Dan Rasional

Penyelidik mengaplikasikan pendekatan kebudayaan dengan meminjam konsep struktur institusi social (Johnathan H. Tuner, 1998), yang mendefinisikan metodologi kualitatif sebagai panduan atau prosedur penyelidikan yang menghasilkan data deskriptif berupa ungkapan-ungkapan bertulis atau lisan orang yang terlibat dan peri laku yang diamati. Pendekatan ini mengarah kepada latar dan individu secara holistik; sampel atau subjek kajian tidak diasingkan oleh pengkaji dalam variable atau hipotesis tetapi menjadi sebahagian daripada keseluruhan suasana. Penyelidikan berbentuk kualitatif sesuai diadaptasikan terutamanya dalam bidang seni visual oleh kerana keutamaan proses yang bersifat naturalistic dalam mengumpul data dan maklumat kepada arah pencarian 'makna' hasil kerja lapangan yang juga sangat bersesuaian dalam konteks pertumbuhan dan perkembangan seni itu sendiri secara semulajadi apabila sifat simbol dan ekspresi itu yang harus dikaji serta diperhalusi bagi mencari bentuk dan makna. Penyelidikan kualitatif menyusun reka bentuk kajian secara berterusan disesuaikan oleh penyelidik dengan kenyataan lapangan. Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan keseluruhan paradigm pemikiran pendekatan kebudayaan untuk menyelesaikan persoalan kajian dengan mengenal pasti ciri-ciri penyelidikan kualitatif yang akan menjadi reka bentuk utama untuk menyelesaikan permasalahan dalam penyelidikan ini.

Pengumpulan Data

Dalam penyelidikan ini data-data akan dikumpulkan dengan kaedah-kaedah yang tersenarai di bawah (lihat Jadual 1.2: Kaedah Pengumpulan Data Berasaskan Objektif, Konsep, Kaedah dan Subjek. Penyelidik akan menggunakan kaedah analisis karya dan analisis dokumen. Data-data yang akan dikumpulkan adalah seperti berikut:

Jadual 1.2: Kaedah Pengumpulan Data Berasaskan Objektif, Konsep, Kaedah dan Subjek.


Bil	Objektif	Konsep	Kaedah	Subjek	Kumpulan Data
1.	Menganalisis bentuk yang diolah dalam media campuran.	Deskripsi Pra-Ikonografi	1. Analisis Karya	1. Karya Catan Media Campuran	1. Bahan 2. Teknik 3. Saiz 4. Persembahan
2.	Mengenalpasti subjek dan ikon yang dipersembahkan dalam karya.	Analisis Ikonografi	1. Analisis Karya 2. Dokumen	1. Karya Catan Media Campuran 2. Dokumen	1. Unsur seni 2. Prinsip Rekaan 3. Tema
3.	Menilai dan memahami makna serta simbol yang mempunyai kaitan rapat dengan sistem sosiobudaya dalam institusi sosial.	Interpretasi Ikonografi	1. Analisis karya 2. Analisis Dokumen	1. Karya Catan Media Campuran 2. Dokumen	1. Perilaku 2. Nilai 3. Persekitaraan 4. Keperluan 5. Teknologi
4.	Peranan dan kepentingan media campuran membentuk institusi sosial dalam konteks Seni Moden Malaysia.	1. Perilaku 2. Nilai 3. Persekitaraan 4. Keperluan 5. Teknologi	1. Analisis Dokumen	1. Dokumen	

Analisis Dokumen

Pelbagai dokumen sama ada dalam bentuk *primary* atau *secondary* perlu dianalisis kerana ia boleh menjelaskan pengetahuan, pengalaman dan perasaan pelbagai pihak yang menggambarkan pendapat, perasaan dan nilai mereka yang terlibat (Chua dan Walker, 1992). Menurut Goetz dan LeCompte (1984) melihat pelbagai dokumen adalah manifestasi *material* bagi tingkahlaku dan kepercayaan yang merupakan suatu hal benda.

Analisis Data Penyelidikan

Model interaktif, sumber daripada Miles dan Huberman diaplikasikan kerana ia membolehkan penyelidik mengumpul dan menyaring segala data-data kualitatif dan seterusnya memaparkan data dalam pengertian reduksi data dan penimpulan. Model ini menerapkan system secara putaran dimana penyelidik sentiasa akan bergerak dan menjelajahi subjek penyelidikannya selama proses penyelidikan berlangsung. Berdasarkan data-data yang terkumpul daripada apresiasi karya-karya, rumusan awal akan dibuat menggunakan analisis dokumen terhadap karya-karya yang dipilih. Keseluruhan data yang diperolehi akan diproses dan dianalisis secara kualitatif dan dihuraikan oleh penyelidik secara diskriptif bagi menjawab persoalan identiti visual seni moden Malaysia berasaskan model interaktif Miles dan Huberman, 1992 (lihat Rajah 1.2: Berasaskan Model Interaktif. (Sumber: Miles dan Huberman, 1992).



Rajah 1.2: Komponen-Komponen Analisis Data: Model Interaktif Miles Dan Huberman (1992)
(Sumber: Tjepjep Rohendi Rohidi Dan Abdul Halim Husain (2015))

Analisis Karya Pelukis

Melihat karya seni berbingkai yang tergantung atau terletak di sebuah ruang pameran, seperti membuka sebuah peti lama, dalam sebuah bilik tanpa penghuninya, tetapi meninggalkan nama pada peti itu sebagai kepunyaan yang peribadi untuk diketahui maksud segala perhubungan antara sipembuat dan ciptaannya. Dengan rasa keinginan untuk tahu apakah yang terkandung di sebalik isi dalam peti itu, sejuta kebarangkalian harus diungkit satu-persatu agar tahu jawapannya untuk membuka peti tersebut. Seperti juga kata Zakaria Ali apabila seorang guru seni memasuki bilik dan dihadapannya ialah puluhan anak didiknya,

“Di dalam kelas tahap bakat murid berbeza-beza. Cara menunjuk ajar mesti sesuai dengan bakat murid. Disebabkan seni itu berkaitan dengan perasaan pembuatnya, oleh itu mengupas karya murid mesti halus, berhati dan sedar. Jika tidak berhati-hati, mungkin pengalaman berguru meninggalkan kesan kurang baik di dalam diri murid. Jika hal ini terjadi kedua-dua pihak akan rugi.” (Zakaria Ali, 64:1995)

“Tugas kedua ialah menghurai perasaan sendiri terhadap jalinan warna yang sedang ditatapi itu. Respons inilah yang menentukan sama ada kita suka atau tidak, menerima atau menolak karya itu. Proses penerangan inilah merupakan pembelajaran bagaimana kita kaitkan antara imej dengan huruf, percikan rasa dengan ungkapan kata.(Ibid, p.65)

Makna seni ialah bahawa seni itu memberi kepuasan mata memandangi, ketenangan hati, merasa dan kehalusan budi memikir. Kupasan sesebuah karya secara menyeluruh itu adalah ekspresi. Faktor kekal yang menentukan pengupasan itu ialah karya itu sendiri sehingga kita tidak boleh merepek, terkeluar daripada bidang perbincangan. Sesudah pengupasan permukaan yang tersurat berpindah pula kepada maksud yang tersirat. (Ibid, p.65)

Di sini kita melakukan agakan, berdasarkan maklumat sokongan seperti riwayat seniman, tulisannya tentang seni dan ideologi yang dipegangnya. Dengan demikian barulah tafsiran itu berisi, yakni, campuran tiga jenis pengetahuan : catan sebagai sumber asal, pemahaman kita sebagai sumber kedua dan penerangan seniman sebagai sumber ketiga. (Ibid, p.65)

Penyelidik menggunakan model Panofsky (lihat Jadual 1.3: Tatacara Analisis Karya Berasaskan Model Panofsky) sebagai panduan untuk melaksanakan analisis karya. Berasaskan analisis tersebut, penyelidik membuat penghayatan secara sistematik terhadap rupa dan symbol yang tersirat dalam karya catan moden Malaysia.

Jadual 1.3: Caticara Analisis Karya Seni Moden Malaysia Berasaskan Model Panofsky (Sumber: Abdul Halim Husain, 2008)

Aspek	Petunjuk					
	Bahan	Teknik	Saiz	Hal Benda	Persembahan	
Diskripsi Bentuk	Garisan	Rupa	Bentuk	Jalinan	Warna	Ruang
	Imbangan	Harmoni	Kontra	Kesatuan	Kepelbagaian	
	Pergerakan	Ekonomi	Pengulangan	Kadar Banding		
Interpretasi	Ekspresi diri	Kemanusiaan	Budaya	Agama	Persekitaraan	Ekonomi
	Politik	Sejarah				

AHMAD SHUKRI MOHAMED

Ahmad Shukri Mohamed boleh dianggap sebagai pencetus juga pengerak kebangkitan seni moden Malaysia awal 90an, yang berani meneroka bahantara campuran didalam proses kerja seni. Kebijaksanaan menyusun antara bahan *ready-mades* dengan teknik konvesional serta digital sehingga ketelitian di dalam pengolahan ini membuatkan juri tertarik hati untuk mengangkat beliau sebagai pemenang hadiah utama karya *Target Series: 'Camoufladge 1'* (1994) (Gambar 2.5) dalam pertandingan Malaysian Art Open tahun 1994 anjuran Petronas dan Art Salon. Tajuddin Ismail (1994) dalam ulasannya sebagai seorang juri terhadap Ahmad Shukri Mohamed berpendapat;

Ahmad Shukri's symbolic portrayal of man's insensitivie destruction of nature and other living creatures, not only focuses on current global issues but also reveals his sensitivity and skills in combining painted image and found objects or 'ready-mades' without being arbitrary. The fragile butterfly image repeatedly painted (or drawn) besides being the 'potent icon' in his work also renders an interesting surface relationship to the hard and rough texture of the crate-box painting support. Probing further into the work, viewer will be engrossed with rich metaphoric layering of meanings.

1. Target Series – 'Camoufladge 1' (1994)



Gambar 1.4 : Ahmad Shukri Mohamed. Target Series – 'Camoufladge 1'. 1994. Media Campuran. 183 x 153 cm

1.1 Diskripsi Karya

Karya ini dihasilkan pada 1994, dan dipamerkan pada pameran Malaysia Art Salon, Galeri Petronas Kuala Lumpur. Karya ini telah memenangi hadiah utama dalam pameran tersebut.

1.2 Aspek Bahan

Bahan yang digunakan adalah daripada kepingan kayu terpakai, ceratkan kertas, kain, cetakan sutera saring (*silk screen*). Ahmad Shukri Mohamed menggunakan teknik lorekan daripada bahan industri.

1.3 Aspek Teknik

Hampir lapan puluh peratus menggunakan teknik kolaj, tampalan. Berlaku aktiviti industri, geseran mesin canai di atas permukaan panel, memadam sebahagian daripada imej rama-rama yang di kolaj atas panel.

1.4 Aspek Saiz

Karya bersegi empat menegak berukuran 183 sentimeter tinggi dan 153 sentimeter lebar dgn pecahan 3 panel yang bersambung menjadi sebuah karya.

1.5 Aspek Hal Benda

Terdapat simbol payung, rama-rama, tulisan ‘UP’ dan ‘The Butterfly Families’, rupa geometrik, tampalan bunga. Ada beberapa komposisi yang dicat dengan warna enamel.

1.6 Aspek Persembahan

Ia adalah merupakan sebuah catan rata di atas permukaan panel dalam kedudukan menegak dan tergantung di dinding. Walau format catan, bahan permukaannya adalah daripada bahan terpakai dan mudah diperolehi dalam ruang industri.

1.7 Aspek Formalistik Karya

Garisan industry sangat ketara, pergerakan garisan yang dirancang dan tidak sengaja menzahirkan imej berupa bulatan yang diulang-ulang. Terdapat tiga bahagian sebagai pemisah antara setiap pecahan panel (menurut saiz potongan kayu terpakai). Kesan perulangan wujud pada imej rama-rama, simbol payung juga berlaku pada perkataan ‘UP’ dan ‘The Butterfly Families’. Keupayaan Ahmad Shukri Mohamed mewujudkan kesan kontras daripada jenis penggunaan bahan yang diaplikasikan, warna yang minimal, dengan rupa bersegi memenuhi ruang persegi, sekali gus mencipta kesan perimbangan karya.

Jadual 1.4: Aspek formalistik dalam karya visual Ahmad Shukri Mohamed

Tajuk Karya	Petunjuk					
	Garisan	Rupa	Bentuk	Jalinan	Warna	Ruang
Target Series – ‘Camoufladge 1’ (1994)	•	•		•	•	
	Imbangan	Harmoni	Kontra	Kesatuan	Kepelbagaian	
	•	•	•	•	•	
	Ekonomi	Pengulangan	Kadar Banding	Pergerakan		
	•	•	•	•		

1.8 Interpretasi Karya : Target Series – ‘Camoufladge 1’ (1994)

Keseluruhan karya visual Ahmad Shukri menggunakan tema persekitaraan, melihat kepada sensitiviti masyarakat terhadap kitar hayat serangga rama-rama yang tidak lama, seringkali menjadi buruan manusia oleh kerana kecantikan pada sesayapnya. Warna yang pelbagai, rupa bentuk, jenis keluarga mereka (rama-rama) sering diabadikan dalam dalam bingkai berkaca. Bertujuan untuk pendidikan, artifak kehidupan juga sebagai hiasan dalam rumah. Kesedaran manusia terhadap buruan serangga ini seringkali disalah-tanggap antara minat (hobi), pengetahuan juga melihat kepada kebebasan abadi sang rama-rama sebagai sebahagian daripada kehidupan alam ini.

Penjelasan Kerangka Konsep Ekstraestetik Karya Visual Seni Moden Malaysia

Penjelasan tertumpu kepada empat perkara meliputi aspek pendekatan ikon, simbol, rupa bentuk dan makna interaksi simbolik. Keseluruhan idea dalam karya tersebut akan dihubungkan dengan konsep nilai, persekitaran, teknologi, perilaku dan keperluan (lihat Jadual 1.6: Petunjuk Ekstraestetik Dalam Karya Catan Pelukis.

Jadual 1.6: Petunjuk Ekstraestetik Dalam Karya Catan Pelukis (Sumber: Abdul Halim Husain, 2008)

Bil	Aspek	Petunjuk	
1	Pendekatan ikon	Abstrak	Semi abstrak
2	Simbol	Budaya	Eskpresi peribadi
3	Rupa bentuk	Berstruktur	Organik/bebas
4	Makna interaksi simbolik	1. Ketuhanan 2. Alam Fizikal 3. Sesama Manusia 4. Peribadi	

KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa seniman berkarya dalam sebuah masyarakat sekelilingnya, akan sentiasa mengadaptasi segala kepekaan terhadap tindak-tanduk perilaku juga segala bentuk agenda, aktiviti mahupun diplomasi dengan tujuan untuk mewujudkan keseragaman dalam membudayakan kehidupan semasa. Seni dan masyarakat seperti dalam penjelasan Mulyadi Mahamood (1995) yang melihat kepada arah dan tujuan sesuatu itu harus dipatuhi. Kita harus saling memahami corak perkembangan masyarakat dan mengetahui kedudukan seni dalam masyarakat. Akhir sekali, sentiasa terus berfikir dalam ungkapan Badrolhisham Mohamad Tahir (1999), tentang seni, estetik dan kerukunan nilai sebuah institusi sosial;

Terdapat beberapa penjelasan seperti perincian budaya, aspek agama, aspek sejarah dan sebagainya bagi menjelaskan kedudukan seni tampak di mata masyarakat. Rata-rata kita masih tidak mendapat penjelasan yang khusus daripada sebarang dialog untuk rantai evolusi pemikiran berterusan kepada perkembangan sejarah. Ketidakhahaman ini memberi laluan kepada pemaniofestasi mistik pelukis melalui acara dangkal yang perlu diberi lebih penjelasan. Ukuran kedangkalan ini sering dihubungkan dengan fenomena sosiologikal yang tidak ontologikal. (Badrolhisham Mohamad Tahir, 64:1999)

Seseorang pelukis menjelaskan satu permintaan bahasa melalui pengalaman tetapi lebih memberi perhatian kepada permainan bahasa itu. Permainan bahasa ini adalah proses yang terdiri daripada bahasa dan tindakan yang saling berkait rapat bagi menjelaskan makna tentang keinginan menyatakan sesuatu. Secara kritikalnya timbul persoalan bagaimana penuturan tampak oleh pelukis yang menyatakan keinginan sesuatu gambaran makna sedangkan tujuannya masih tidak terungkap. (Ibid, p.64)

Pemberitahuan tentang diri sendiri sering kali berupa pendedahan sesuatu tentang diri sendiri. Namun, ia merupakan suatu reaksi, juga mungkin disebut intuisi. Intuisi suatu penyaksian menggambarkan sesuatu yang tidak terucap secara lisan dan hanya terungkap dengan menunjukkan segala tanda yang mencirikan gambaran pelukis. Periletakan tanda ini adalah penyaksian penggambaran sesuatu gambaran yang jelas, bersifat symbol yang mewakili bahasa penggambaran (penuturan makna). I Ibid, p.64)

Sesuatu bentuk yang biasa kita mungkin tidak biasa bagi orang lain. Hal inilah yang dikatakan oleh Gadamer sebagai aesthetic differentiation; perkongsian sesuatu yang mewakili iaitu objek tidak akan hilang dari pandangan jasadnya, malah berkongsi pula dengan pandangan fikiran kita. Perkongsian ini adalah sebahagian dari [pada tabii alam (nature)]. (Ibid, p.64)

Kita mungkin dapat mencapai kebenaran tentang sesuatu, tetapi pada masa yang sama kita juga berasa bahawa terdapat serba kekurangan. Yang pastinya, terdapat faktor jurang pemisah, walaupun kebenaran dapat merapatkan jurang pemisah itu. Unsur sebenar lakaran akan kekal menjadi tanda; tanda yang kebenaran tersembunyi dengan sifatnya yang tidak dapat dikenal pasti, malah ia lenyap dan hilang seluruhnya. (Ibid, p.64)

RUJUKAN

Albrecht, M. C. (1968). Art As An Institution. American Sociological Review, 383-397.

Abdul Halim Husain. (2014). Seni, Pendidikan dan Kebudayaan: Kumpulan Artikel Bunga Rampai. Tanjong Malim: Penerbit Malim Sarjana.

Abdul Halim Husain. (2008). Identiti Visual Seni Arca Moden Malaysia dalam Konteks Kebudayaan. Tesis PhD. Yang tidak diterbitkan. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Aziz Deraman. (2000). Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia. Kuala Lumpur: DBP.

Aziz Deraman. (2001). Masyarakat dan kebudayaan malaysia. Kuala Lumpur: DBP.

Badolhisham Mohamad Tahir. (1999, April). Terang Gelap Penerokaan Dalam Diri. Dewan Budaya, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. P.64.

Gadamer, H. G. (1986). The Relevance of the Beautiful and Other Essays. London: Cambridge University Press.

Geertz, C. (1973). The interpretation of cultures. New York: Basic Books Giele.

Goetz, J. P., & LeCompte, M. D. (1984). Ethnography and qualitative design in educational research (Vol. 19). Orlando, FL: Academic Press.

Huberman, M., & Miles, M. B. (1992). Analisis Data Kualitatif. Jakarta: Universitas Indonesia.

Jakob Sumardjo. (2000). Filasafat seni. Bandung: Penerbit ITB.

Koentjaraningrat. (1985). Pengantar ilmu antropologi. Jakarta: Aksara Bharu.

Koentjaraningrat, (2000). Kebudayaan mentalitas dan pembangunan. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.

Mochtar Lubis (1993). Budaya, Masyarakat Dan Manusia Indonesia: Himpunan "Catatan Kebudayaan"

Mochtar Lubis Di Majalah Horison. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.

Muliyadi Mahamood. (1994, Julai). Azman Hilmi Simbol Ekspresi Watak. Dewan Budaya, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muliyadi Mahamood. (1995). Seni Lukis dalam Peristiwa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur Hanim Mohamed Khairuddin. (2014). Localized / Globalized : An Overview of Contemporary Art in Malaysia. Malaysia Eye: Contemporary Malaysian Art. Milano: Skira Editore.

Ocvirk, O. (2009). Art fundamentals: Theory and practice (11th ed.). New York: McGraw-Hill Higher Education.

Panofsky, E. (1972). Studies In Iconology: Humanistic Theme In The Art Of The Renaissance. New York. Harper & Row Publisher.

Piliang, Y. A. (2002). Identitas dan Budaya Massa: Aspek-Aspek Seni Visual di Indonesia. Yogyakarta: Yayasan Seni Cemeti.

Poerwanto D. H. (2000). Kebudayaan dan lingkungan dalam perspek antropologi. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Tajuddin Ismail. (1994). Katalog Malaysian Art Open '94 (14 Oktober – 6 November 1994). Kuala Lumpur: Petronas & Art Salon.

Tjetjep Rohendi Rohidi. (2000). Kesenian dalam pendekatan kebudayaan. Bandung: STISI Pess.

Tjetjep Rohendi Rohidi, Abdul Halim Husin (2015). Metodologi Penyelidikan Seni. Tanjung Malim: Penerbitan Malim Sarjana.

Tuner. J. H.. (1998). The Structure of Sociology. London: Wadsworth Publishing Company.

Walther, I. F. (1986). Pablo Picasso 1881-1973: genius of the century. Gloucester.

Zainal Kling. (1987). Konsep Kebudayaan Kebangsaan Malaysia, Pertemuan Dunia Melayu . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zakaria Ali (1995, September), Dewan Sastera. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zanita Anuar. (1999). Sejarah – Antara Bakat Dan Hakikat. Katalog Imbasan Bakat Muda Sezaman. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.